

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]
TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian membantu meningkatkan pendaratan ikan tuna di Labuan memandangkan industri hiliran produk berasaskan tuna sedang meningkat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Industri perikanan tuna di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu Tuna Oseanik dan Tuna Neritik. Tuna Oseanik merujuk kepada spesis tuna yang boleh didapati di lautan antarabangsa seperti di Lautan Hindi (dan didaratkan di Pulau Pinang) manakala Tuna Neritik merujuk kepada tuna bersaiz kecil dan ditangkap dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara. Tuna Oseanik tempatan di Sabah dan Labuan berpotensi untuk dikembangkan sehingga 10,000 metrik tan dengan nilai RM100 juta setahun, manakala Tuna Neritik tempatan pula berpotensi menghasilkan 100,000 metrik tan setahun dengan nilai anggaran RM700 juta.

2. Pada tahun 2018, jumlah pendaratan tuna di Labuan adalah sebanyak 1,136.5 metrik tan dengan nilai RM11.82 juta. Merujuk kepada Kajian Taksiran Sumber Perikanan 2013-2016 oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), perikanan tuna yang berpotensi untuk didaratkan di Sabah dan Labuan berjumlah 16,000 metrik tan.
3. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui DOF telah menyediakan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2012-2020. Bagi meningkatkan pendaratan ikan tuna di Labuan, Kementerian telah merancang strategi pelaksanaan seperti berikut:
 - Membangunkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna Laut China Selatan, Sulu dan Sulawesi 2020-2025 bagi menambah bilangan vesel jongkong tuna dan menggalakkan pembinaan vesel pukat jerut tuna di Labuan. Kementerian menasarkkan sebanyak 35 vesel jongkong tuna dan 5 vesel pukat jerut tuna pada tahun 2025. Sehingga kini, terdapat 15 buah vesel jongkong tuna yang aktif di Labuan.
 - Menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur di Kompleks Perikanan Kiamsam, Labuan. Pembangunan Fasa II sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 18 Disember 2020. Kerja-kerja naiktaraf termasuk penambahan jeti dermaga dwifungsi (pendaratan dan tambatan) yang akan merancakkan aktiviti pendaratan ikan di Labuan.
 - Mewujudkan industri pemprosesan tuna di sekitar Kompleks Perikanan Kiamsam, Labuan bagi menyokong industri hiliran berasaskan tuna. Sehingga kini, terdapat 4 pengusaha industri hiliran dalam penghasilan produk berasaskan tuna seperti sate tuna, burger tuna, tempura tuna dan serunding tuna.

4. Di samping itu, Kementerian melalui DOF juga sedang meneliti semula pencapaian Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2012-2020 bagi merangka strategi untuk pembangunan dan pengurusan industri tuna di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekian, terima kasih.